



DASAR PENDEDAH MAKLUMAT

Tujuan dan Komitmen

Kelly Services, Inc. dan anak-anak syarikatnya ("Kelly" atau "Syarikat") sentiasa memelihara komitmen globalnya terhadap prinsip-prinsip integriti, tanggungjawab dan pematuhan undang-undang dalam setiap bidang kuasa yang menerima khidmat penyelesaiannya, sama ada dalam bentuk pembekalan pekerja, pencarian khidmat luar atau perundingan tenaga kerja. Sebagai syarikat yang menghubungkan tenaga mahir dengan majikan dalam industri-industri yang dikawal atur dengan ketat, seperti industri sains hayat, pendidikan, teknologi dan perkhidmatan profesional, aktiviti kendalian Kelly kerap berlatarkan suasana undang-undang dan etika yang kompleks. Aktiviti ini tidak hanya melibatkan hubungan pekerjaan secara langsungnya, tetapi juga penggunaan khidmat kontraktor bebas, subkontraktor, pemberi khidmat yang diuruskan dan rakan pihak ketiga di seberang sempadan.

Dasar

Untuk menyokong dan mengukuhkan komitmennya terhadap kelakuan yang dibenarkan oleh undang-undang dan beretika dalam semua operasi perniagaan yang bersaling kait ini, Syarikat mengamalkan Dasar Pendedah Maklumat Global ("Dasar") agar setiap orang, sama ada pekerja, kontraktor bebas, bekas pekerja, pembekal dan mana-mana pihak ketiga yang terbabit oleh penyampaian perkhidmatan Syarikat, boleh mengadukan kekhawatiran mengenai salah laku yang mungkin berlaku dengan cara yang terjamin selamat dan terlindung. Dasar ini menetapkan mekanisme pendedahan sulit, menyatakan langkah-langkah keselamatan yang diambil untuk melindungi mereka yang membangkitkan kekhawatiran dengan suci hati dan membentangkan kewajipan Kelly menurut rangka kerja undang-undang antarabangsa, serantau dan negara yang berkenaan. Dasar ini juga menegaskan bahawa perlindungan daripada tindakan balas, kemudahan menggunakan saluran pengaduan yang terjamin selamat dan prosedur yang adil semasa melakukan penyiasatan susulan bukanlah sekadar matlamat pentadbiran tetapi mewakili tonggak-tonggak penting dalam usaha memelihara sebuah perusahaan global yang patuh, telus dan beretika.

Dasar ini secara asasnya bertujuan mengadunca pelbagai standard undang-undang yang diamalkan di semua operasi Kelly seluruh dunia dan memastikan bahawa, tanpa mengira lokasi atau fungsi, setiap orang disediakan dengan cara yang konsisten dan boleh dipercayai untuk mengemukakan kekhawatirannya. Sungguhpun bidang kuasa seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Negara-negara Anggota Kesatuan Eropah masing-masing mengenakan kewajipan khusus yang dibenarkan mengenai perlindungan pendedah maklumat, namun Kelly tidak memandangnya sebagai batas yang perlu dilepasi tetapi sebagai kehendak asas yang perlu diterapkan sepenuhnya. Dengan itu, Dasar ini mengandungi keperluan penting daripada Seksyen 806 Akta Sarbanes-Oxley 2002, Seksyen 922 Akta Reformasi dan Perlindungan Pengguna Wall Street Dodd-Frank, Akta Pendedahan Kepentingan Awam United Kingdom 1998, Perintah (EU) 2019/1937 tentang perlindungan orang yang mengadukan pelanggaran undang-undang Kesatuan ("Perintah Pendedah Maklumat EU") dan Peraturan (EU) 2016/679 tentang perlindungan seseorang berkenaan dengan pemprosesan data peribadi dan pergerakan bebas data sedemikian ("GDPR"). Jika perlindungan yang disediakan oleh undang-undang negara melebihi perlindungan yang dinyatakan dalam Dasar ini, maka Kelly akan menggunakan standard yang lebih tinggi untuk memastikan bahawa pendedah maklumat tidak kerugian disebabkan lokasi bidang kuasa.

Dasar ini dikenakan terhadap semua entiti Kelly seluruh dunia dan merangkumi semua orang yang mempunyai hubungan penting dengan Syarikat, termasuk pekerja sementara di agensi, pekerja yang dipinjamkan, pelatih dan pakar runding. Syarikat mengesahkan bahawa **sesiapa sahaja yang mengadukan sesuatu dengan suci hati, sama ada aduan itu akhirnya disahkan benar ataupun tidak, akan dilindungi daripada tindakan balas dan daripada apa-apa bentuk layanan yang akan memburukkan keadaannya** disebabkan dia mengemukakan kekhawatiran. Selanjutnya, Syarikat maklum bahawa kejayaan mana-mana rangka kerja pendedah maklumat bergantung tidak hanya pada kewujudan prosedur yang formal tetapi juga pada budaya di tempat prosedur tersebut diamalkan. Kelly komited terhadap usaha memastikan pekerja dan pihak ketiga berasa yakin bahawa kekhawatiran mereka akan diendahkan, dianggap serius dan ditangani secara

objektif, tanpa prasangka, rasa takut atau tindakan balas. Disebabkan langkah semak dan imbang inilah kita yakin akan proses kita yang diterangkan di atas ini.

Skop Kekhuatiran yang Boleh Diadukan

Dasar ini berkenaan dengan pengaduan tentang kelakuan yang, menurut pertimbangan seseorang yang waras, merupakan pelanggaran undang-undang, peraturan atau dasar dalaman, atau dengan cara lainnya, merosakkan nilai-nilai teras Syarikat, iaitu integriti, keadilan dan tanggungjawab. Salah laku boleh berlaku pada mana-mana peringkat organisasi dan boleh membabitkan pekerja, pengurus atau pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Syarikat. Antara lainnya, contoh perkara yang boleh diadukan ialah **penipuan, sogokan, rasuah, kecurian, konflik kepentingan yang tidak didedahkan, gangguan berkali-kali atau diskriminasi, pelanggaran kewajipan keselamatan pekerjaan, pendedahan maklumat sulit tanpa izin, kerosakan persekitaran, pencabulan hak asasi manusia, amalan yang menghalang persaingan dan pelanggaran undang-undang perdagangan, buruh atau privasi**. Syarikat juga menggalakkan pengaduan tentang kegagalan organisasi dari segi kawalan dalaman atau rangka kerja pematuhan, walaupun tiada sesiapa pun disyaki melakukan kesalahan. Dalam setiap keadaan, yang akan disiasat ialah sama ada perbuatan tersebut, jika dibuktikan berlaku, akan menjelaskan kewajipan undang-undang, standard etika atau keutuhan operasi Kelly. Aduan boleh berkait dengan perbuatan yang telah berlaku, sedang berlaku atau dijangka berkemungkinan akan berlaku. Pekerja digalakkan mengadu awal-awal tentang risiko yang mungkin timbul supaya mudarat dapat dicegah dan tindakan boleh diambil sebelum terlambat.

Dasar ini, walaupun global, dengan nyatanya mengandungi jenis-jenis salah laku yang dikenal pasti dalam Perintah Pendedah Maklumat EU, yang turut melindungi seseorang yang mengadukan pelanggaran undang-undang Kesatuan dalam hal yang merangkumi tetapi tidak terbatas kepada pemerolehan awam, perkhidmatan kewangan, pencegahan aktiviti pengubahan wang haram, perlindungan alam sekitar, keselamatan pengguna dan privasi data. Aduan di bawah Dasar ini boleh dibuat tentang tindakan atau kegagalan bertindak yang berlaku dalam sesuatu bidang kuasa atau yang melibatkan operasi lintas sempadan. Disebabkan struktur antarabangsa Kelly, maka diakui bahawa salah laku di sesebuah negara boleh melibatkan pengadu, pelaku dan penyiasat yang bertempat dalam berbilang sistem undang-undang. Dasar ini memastikan bahawa aduan sedemikian tidak dikecualikan semata-mata kerana hal tersebut merentasi sempadan bidang kuasa.

Yang penting, Kelly tidak mewajibkan pendedah maklumat menunjukkan bukti yang tidak boleh dinafikan tentang salah laku yang diadukan itu pada waktu aduan itu dibuat. Apa yang dikehendaki ialah aduan itu dibuat dengan **suci hati**, bermaksud pengadu itu secara jujurnya percaya bahawa kekhuitiran yang dibangkitkan itu dibuat berdasarkan maklumat yang tepat atau syak yang munasabah tentang salah laku tersebut. Syarikat tidak akan mengambil tindakan terhadap pengadu jika didapati aduannya tidak berasas, dengan syarat dia telah mengadu dengan jujur, tanpa niat jahat. Walau bagaimanapun, sesiapa yang sengaja membuat dakwaan yang tidak benar atau yang mengelirukan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah dasar dalaman. Selain itu, dalam bidang kuasa yang tertentu, dia boleh juga menghadapi hukuman sivil atau jenayah. Standard ini memastikan bahawa sistem pendedah maklumat ini tidak disalahgunakan sambil memelihara anggapan integriti tentang orang yang turut serta dengan suci hati.

Perlindungan terhadap Tindakan Balas

Kelly dengan jelasnya melarang apa-apa bentuk tindakan balas terhadap orang yang membangkitkan kekhuitirannya di bawah Dasar ini, membantu usaha penyiasatan atau melibatkan diri dengan cara lain dalam aktiviti pendedahan maklumat (mengadu, menyoal, memberikan maklumat dan sebagainya). Tindakan balas ditakrifkan secara umumnya dan merangkumi perbuatan memecat, menggantung, menurunkan pangkat, memindahkan ke jabatan lain, memindahkan ke jawatan yang kurang baik, mengurangkan gaji atau manfaat, menakutkan, memenculkan dari segi sosial atau profesional, mengugut atau perbuatan lain yang akan menyebabkan seseorang tidak jadi membangkitkan kekhuitirannya. Syarikat mengamalkan pendekatan sifar toleransi terhadap perbuatan membala. Dakwaan tentang kelakuan sedemikian akan dianggap sebagai pelanggaran Dasar secara berasingan, tertakluk kepada penyiasatan dalaman dan tindakan pembetulan yang berasingan, jika diperlukan.

Perlindungan yang mencegah tindakan balas dalam dokumen dan Dasar ini berlandaskan peruntukan yang dibenarkan, misalnya Seksyen 806 Akta Sarbanes-Oxley 2002 dan Akta Pendedahan Kepentingan Awam 1998,

yang melarang tindakan buruk dalam hal pekerjaan disebabkan seseorang telah mendedahkan maklumat. Di Kesatuan Eropah, Perintah (EU) 2019/1937 mewajibkan Negara-negara Anggota menggunakan mekanisme penguatkuasaan untuk menghukum perbuatan membalaunya dan memastikan pemulihan sepenuhnya serta pampasan kewangan untuk mereka yang terjejas. Kelly akan menunaikan kewajipan ini sepenuhnya dan akan menawarkan langkah pemulihan jika perlu, yang merangkumi tetapi tidak terbatas kepada pembalikan tindakan buruk terhadap kakitangan yang berkenaan, pertukaran tugas, pembayaran wang upah yang sepatutnya diterima dan pernyataan awam tentang integriti pendedahan maklumat tersebut.

Seseorang yang mempercayai bahawa dia telah dikenakan tindakan balas digalakkan mengadukan kejadian tersebut. Aduan tentang tindakan balas akan diutamakan dan dikendalikan secara berasingan daripada aduan asal. Penyiasatan akan dilakukan oleh kakitangan yang tidak terlibat dengan perbuatan membalaunya yang didakwa itu. Syarikat akan cuba menyediakan perlindungan sementara sepanjang tempoh penyiasatan tindakan balas itu, termasuk perubahan jangka pendek pada barisan pelaporan, lokasi kerja atau tanggungjawab pekerjaan, jika langkah sedemikian perlu diambil untuk mencegah mudarat selanjutnya. Jika berkenaan, perlindungan ini tidak hanya merangkumi pekerja yang sedang berkhidmat tetapi juga bekas pekerja, pemohon pekerjaan dan orang lain yang sudah tamat atau yang belum bermula hubungannya dengan Syarikat. Kelly mengakui bahawa tindakan balas boleh berlaku sebelum, semasa atau selepas penglibatan formal dan akan memastikan bahawa setiap orang yang terangkum dilindungi daripada layanan buruk disebabkan dia dengan suci hatinya membuat atau menyokong sesuatu aduan.

Kerahsiaan dan Perlindungan Data

Kelly maklum bahawa kejayaan mana-mana rangka kerja pendedah maklumat bergantung pada kerahsiaan dan keselamatan maklumat yang didedahkan. Oleh itu, Syarikat berjanji untuk menjaga kerahsiaan semua aduan pendedah maklumat, termasuk identiti pengadu serta saksi dan orang yang terbabit, jika ada, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang. Identiti pendedah maklumat hanya akan didedahkan jika benar-benar perlu untuk tujuan penyiasatan atau undang-undang, dan seboleh-bolehnya, hanya setelah mendapatkan izin orang itu dahulu. Jika tidak diwajibkan oleh undang-undang, Syarikat tidak akan mendedahkan identiti pengadu manapun mengambil langkah untuk menentukan identiti pengadu yang tidak memberikan nama. Selanjutnya, Syarikat maklum bahawa orang yang dinamakan dalam aduan pendedah maklumat mempunyai hak sebagai orang yang diperihalkan di bawah undang-undang perlindungan data, misalnya hak mendapatkan atau membetulkan data peribadi. Hak-hak ini mungkin diselek, jika perlu, untuk melindungi identiti pendedah maklumat, memelihara keutuhan penyiasatan atau mematuhi pengecualian di bawah undang-undang yang berkenaan.

Untuk menunaikan kewajipannya di bawah undang-undang perlindungan data, termasuk Peraturan (EU) 2016/679 ("GDPR"), Kelly mengesahkan bahawa semua data yang dikutip atau diproses sehubungan dengan aduan pendedah maklumat merupakan data peribadi dan akan dikendalikan menurut prinsip-prinsip teras, iaitu sah di sisi undang-undang, adil, telus, terhad kepada tujuannya, data yang minimum dan penyimpanan yang terhad. Data peribadi yang dikutip melalui mekanisme pendedah maklumat secara ketatnya terhad kepada maklumat yang berkenaan, setimpal dan perlu untuk menilai aduan dan melakukan penyiasatan yang adil. Syarikat bergantung pada lunas undang-undang yang sewajarnya untuk memproses data peribadi, termasuk kepentingan yang sah dan kewajipan undang-undang, selaras dengan undang-undang perlindungan data. Jika data yang sensitif (misalnya kesihatan atau kumpulan etnik) atau data yang berkait dengan kesalahan jenayah diproses, Syarikat memastikan bahawa keperluan undang-undang dan langkah keselamatan yang berkenaan dipenuhi, menurut rangka kerja perlindungan data negara atau serantau yang berkenaan. Syarikat tidak akan menyimpan data peribadi dengan lebih lama daripada tempoh yang perlu untuk memenuhi objektif-objektif ini dan semua data akan disimpan dengan selamat, disulitkan jika berpatutan dan dilindungi supaya tidak diambil tanpa izin. Jika perlu, orang yang diproses data peribadinya sehubungan dengan aduan pendedah maklumat, termasuk pendedah maklumat itu sendiri atau orang yang disiasat, akan menerima maklumat yang sewajarnya tentang privasi melalui notis privasi am Syarikat, yang boleh didapati di www.kellyservices.com/en/policies/privacy-statement/.

Dalam keadaan yang melibatkan penyiasatan lintas sempadan, khususnya yang merentasi Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan United Kingdom, Syarikat akan mengambil langkah keselamatan tambahan untuk memastikan bahawa data peribadi tidak dipindahkan dengan cara yang menyalahi undang-undang ke luar bidang kuasa asal. Langkah keselamatan ini mungkin merangkumi penggunaan fasal standard dalam kontrak yang diluluskan oleh Suruhanjaya Eropah, penilaian risiko pemindahan, teknik menggunakan nama samaran atau jika

perlu, mendapatkan izin orang yang diperihalkan itu dengan nyata. Kelly juga akan memastikan bahawa mana-mana pihak ketiga yang digunakan khidmatnya untuk membantu penyiasatan akan diikat secara kontrak untuk mematuhi standard ini dan tidak akan menggunakan data tersebut untuk apa-apa tujuan di luar skop penglibatannya. Syarikat menegaskan semula bahawa **tiada satu pun aspek program pendedah maklumat ini yang boleh mengatasi hak asas seseorang terhadap data, di bawah undang-undang yang berkenaan** dan Syarikat komited terhadap usaha memastikan bahawa nilai-nilai privasi dan tanggungjawab etika tidak boleh dipisahkan.

Proses Penyiasatan

Setelah menerima aduan pendedah maklumat, Jabatan Undang-undang, Risiko dan Pematuhan akan menjalankan penilaian awal untuk menentukan sama ada hal tersebut perlu disiasat secara formal. Kajian ini merangkumi penilaian kebolehpercayaan, kesempurnaan dan kepentingan aduan tersebut, di samping jenis dakwaan, orang yang terbabit dan risiko undang-undang atau risiko terhadap reputasi yang mungkin timbul. Jika sesuatu aduan itu menimbulkan kekhawatiran yang cukup serius, Syarikat akan mulakan penyiasatan dengan segera, oleh kakitangan bertauliah yang bebas, pakar dalam bidang yang berkaitan dan cekap dalam hal kemasyarakatan untuk menangani perkara-perkara yang sensitif dengan saksama. Jika perlu, penasihat luar atau penyiasat pihak ketiga mungkin dikenakan perkhidmatannya supaya prosedur dapat diikuti dengan adil, untuk mengelakkan konflik kepentingan dan untuk mendapatkan keyakinan orang awam atau pemegang kepentingan akan hasilnya.

Skop dan tempoh penyiasatan akan ditentukan mengikut keadaan. Prosesnya akan dikendalikan dengan cermat dan adil, sambil mengambil kira jenis dakwaan yang terlibat. Penyiasat akan mengumpulkan dokumentasi yang berkaitan, menganalisis rekod dalaman, melakukan temu ramah dan menilai bukti fizikal atau elektronik jika perlu untuk memperoleh kesimpulan yang seimbang dan beralasan. Orang yang dinamakan dalam aduan akan diberi peluang menjawab dakwaan terhadapnya dan semua temu ramah akan dilakukan dengan cara yang menghormati maruah, privasi dan anggapan bahawa orang itu tidak bersalah. Syarikat komited terhadap usaha memastikan bahawa pendedah maklumat dan orang yang disiasat dilayani dengan adil, tanpa prasangka, sepanjang proses.

Setelah tamat penyiasatan, hasilnya akan diringkaskan ke dalam sebuah laporan yang akan dikaji semula oleh anggota pengurusan kanan dan jika diperlukan, oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Syarikat akan mengambil tindakan pembetulan atau tata tertib yang segera dan berpatutan, berdasarkan hasil ini, yang setimpal dengan jenis dan tahap keterukan salah laku yang berkaitan. Tindakan ini mungkin merangkumi pemecatan atau penamatkan hubungan perniagaan, perubahan proses, perintah kawal atur atau tindakan undang-undang. Jika dikenal pasti bahawa ada masalah pada sistem, Syarikat akan melaksanakan langkah pembelajaran organisasi, misalnya reformasi dasar dalaman, kawalan yang diperkuuh dan latihan yang ditingkatkan. Pendedah maklumat yang mendedahkan identiti akan diberitahu tentang penyelesaian yang diambil setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan dasar Syarikat.

Saluran Pengaduan

Aduan tentang salah laku di bawah Dasar ini boleh diserahkan kepada pengurus, penyelia, anggota sumber manusia atau pegawai pematuhan. Selain itu, Kelly menyediakan talian bantuan pendedah maklumat yang global dan dikendalikan oleh pihak luar yang bebas serta gerbang pengaduan dalam talian, yang memberkenan seseorang menyerahkan aduan secara sulit atau tanpa mendedahkan nama (jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan). Alat-alat ini boleh digunakan 24 jam sehari, 7 hari seminggu, dalam berbilang bahasa, dan direka untuk menampung semua lokasi operasi dan setiap profil risiko di seluruh organisasi. Anda boleh memasuki gerbang pengaduan dalam talian ini, iaitu Ethics Point, di www.integrity-helpline.com/kellyservices.jsp atau menelefon talian bantuan pendedah maklumat, iaitu **+1 877-978-0049** untuk mengadu secara sulit daripada mana-mana lokasi antarabangsa.

Syarikat menggalakkan pengadu agar memasukkan seberapa banyak fakta terperinci yang boleh ke dalam aduan supaya penyiasatan boleh dilakukan dengan menyeluruh dan cekap. Aduan hendaklah menjelaskan jenis kekhawatiran, mengenal pasti orang yang terlibat, menyatakan tarikh atau rangka masa yang berkaitan dan melampirkan dokumentasi sokongan yang ada. Sungguhpun Kelly menerima aduan tanpa nama pengadu, Kelly juga maklum bahawa kebolehan menyiasat sepenuhnya mungkin tersekat oleh kekurangan maklumat yang boleh disahkan atau ketiadaan peluang untuk mengambil langkah susulan. Walaupun begitu, Syarikat akan mengambil

segala usaha yang berpatutan untuk menilai dan menyiasat aduan yang tidak bernama setakat yang boleh dan dibenarkan oleh undang-undang.

Aduan boleh dikemukakan tanpa mendedahkan nama di bawah Dasar ini dan disokong sepenuhnya melalui sistem pengaduan Syarikat yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, Kelly maklum bahawa kesahihan dan kebolehan menyiasat aduan yang tidak bernama mungkin berbeza mengikut undang-undang tempatan. Dalam bidang kuasa seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Ireland dan Netherlands, pengaduan tanpa mendedahkan nama dibenarkan secara amnya tanpa batas yang ketara. Negara-negara lain pula, seperti Perancis, Jerman dan Portugal, mengenakan syarat-syarat tambahan di bawah undang-undang negara atau rangka kerja perlindungan data. Sebagai contoh, panduan di Perancis sebelum ini mengehadkan penerimaan aduan yang tidak bernama kepada hal-hal serius yang boleh ditentusahkan secara bebas sahaja. Di bawah rangka kerja undang-undang sekarang ini yang melaksanakan Perintah (EU) 2019/1937, organisasi tidak lagi dilarang menerima aduan yang tidak bernama tetapi juga tidak diwajibkan memprosesnya kecuali butir-butir yang secukupnya diberikan untuk menyokong penyiasatan yang boleh dipercayai.

Memandangkan terdapat perbezaan begini, Kelly menilai aduan yang tidak bernama mengikut bidang kuasa dan cuba melakukan penyiasatan jika fakta yang diberikan itu boleh dipercayai, boleh disahkan dan penting untuk membolehkan Syarikat menuaikan kewajipannya dari segi pematuhan. Jika aduan dikemukakan tanpa mendedahkan nama, Kelly akan menggunakan langkah perlindungan kerahsiaan yang ditingkatkan untuk memelihara keutuhan proses, dan jika identiti pengadu kemudiannya diketahui, untuk menjaga privasi dan melindungi orang itu di bawah undang-undang yang berkenaan. Orang yang mengemukakan aduan, sama ada namanya didedahkan ataupun dirahsiakan, digalakkan menggunakan mekanisme susulan yang terjamin selamat pada pelantar pengaduan pihak ketiga Syarikat, yang memberarkan komunikasi yang berterusan tanpa mendedahkan identiti.

Sejajar dengan komitmen Kelly terhadap ketelusan dan kebolehcapaian, maklumat mengenai saluran pengaduan disebarluaskan melalui Tataniaga dan Tataetika, bahan pengenalan, latihan pematuhan dan komunikasi dalaman. Poster, notis intranet dan buku panduan untuk pekerja menyerlahkan kemudahan mekanisme pengaduan yang disediakan ini. Anggota kepimpinan Kelly dikehendaki memupuk budaya yang memahami bahawa tindakan mengadukan salah laku yang disyaki adalah suatu kewajipan profesional dan unsur teras dalam tanggungjawab kita sebagai warga korporat.

Selain mekanisme pengaduan dalaman yang diterangkan di atas ini, Kelly juga mengakui dan menghormati hak seseorang membuat pendedahan terus kepada pihak berkuasa kerajaan, kawal atur atau penyeliaan, termasuk penguat kuasa undang-undang, badan pencegahan rasuah, pengawal atur kewangan, pihak berkuasa buruh dan pekerjaan atau agensi perlindungan data, jika pengaduan sedemikian dibenarkan atau dilindungi oleh undang-undang yang berkenaan. Tiada satu perkara pun dalam Dasar ini yang bertujuan menghalang atau mengehadkan pengaduan sedemikian kepada pihak luar. Anda boleh mengadu terus kepada pihak berkuasa luar yang berpatutan menurut undang-undang negara, yang merangkumi tetapi tidak terbatas kepada Perintah Pendedahan Maklumat EU (Perintah 2019/1937), Akta Pendedahan Kepentingan Awam UK 1998, Akta Pendedahan Terlindung Afrika Selatan dan rangka kerja berkanun yang lain dalam bidang-bidang kuasa tempat Kelly beroperasi.

Dokumentasi dan Penyeliaan

Kelly menyimpan rekod yang terperinci dan terpelihara tentang semua aduan yang diterima di bawah Dasar ini, melalui semua saluran pengaduan, sama ada aduan itu disiasat ataupun tidak. Rekod ini merangkumi kandungan dan sumber aduan (jika diketahui), tarikh diterima, orang yang ditugaskan untuk mengkaji atau menyiasat hal yang diadukan, langkah-langkah penyiasatan yang diambil, penemuan atau kesimpulan yang diperoleh, dan tindakan pembetulan yang dilaksanakan. Dokumentasi disimpan di dalam sistem pengurusan kes yang terjamin selamat, yang hanya boleh dimasuki oleh kakitangan yang diberi kuasa, dan jejak audit dipelihara untuk menjamin keutuhan dan tanggungjawab.

Penyimpanan rekod pendedah maklumat mematuhi keperluan undang-undang dan kawal atur yang berkenaan, termasuk keperluan GDPR dan undang-undang perlindungan data negara seumpamanya. Secara amnya, rekod akan disimpan hanya dengan seberapa lama yang perlu untuk memenuhi fungsi pematuhan dan penyiasatan Syarikat atau untuk menuaikan kewajipan berkanun atau kontrak. Pada penghujung tempoh penyimpanan, rekod akan dihapuskan dengan selamat atau dibuang nama selaras dengan amalan terbaik perlindungan data.

Program pendedah maklumat ini diselia oleh Jabatan Undang-undang, Risiko dan Pematuhan dan Lembaga Pengarah Kelly. Badan-badan ini menerima laporan keseluruhan yang meringkaskan ukuran-ukuran penting, misalnya bilangan aduan yang diterima, kategori dakwaan, kadar pengesahan dan hasil pemulihan. Penyeliaan ini menampakkan ketelusan, mengukuhkan kebebasan dan menyediakan asas untuk meningkatkan infrastruktur pematuhan dan etika Kelly secara berterusan. Selain itu, Syarikat kerap memantau keberkesanan prosedur pendedah maklumatnya melalui analisis arah aliran data, pengkajian tempoh tindakan dan penilaian langkah pemulihan yang diambil. Ukuran hasil yang dibuang nama mungkin digunakan untuk mengenal pasti pola risiko, menilai pelaksanaan dasar dan mengumpulkan maklumat untuk tujuan latihan pematuhan. Proses ini memastikan bahawa Kelly tidak hanya bertindak menangani salah laku tetapi juga menyesuaikan dasarnya dan amalannya untuk mencegah ulangan kejadian dan mengukuhkan keutuhan organisasi.

Latihan dan Kesedaran

Kelly maklum bahawa keberkesanan program pendedah maklumatnya berkait rapat dengan kesedaran dan keyakinan tenaga kerjanya dan rakan-rakan niaganya. Dengan itu, Syarikat menyepadukan pendidikan tentang pendedah maklumat ke dalam program latihan pematuhan globalnya, latihan pengenalan untuk pekerja baharu dan kempen pengukuhan berkala. Inisiatif latihan ini disesuaikan khususnya mengikut bidang kuasa dan fungsi pekerjaan agar pekerja memahami hak dan tanggungjawab mereka untuk mengadu, perlindungan yang disediakan di bawah undang-undang dan dasar serta mekanisme penyerahan aduan yang selamat dan sulit.

Dalam bidang kuasa yang lebih sensitif tentang pendedahan maklumat atau yang menghadapi sekatan kebudayaan terhadap sikap berani bercakap, Kelly menggunakan strategi komunikasi dan sokongan setempat, termasuk pengiriman mesej yang disesuaikan khususnya untuk kawasan itu, bahan-bahan yang diterjemahkan dan penglibatan pakar pematuhan yang dipercayai. Pemimpin kanan dan pengurus pekerja menerima latihan tambahan tentang cara menangani pendedahan maklumat, melindungi kerahsiaan pendedah maklumat dan menunaikan kewajipan tidak bertindak membala secara amali.

Kesedaran akan program ini juga diperkuuh melalui komunikasi visual, misalnya poster, papan tanda digital dan pengumuman pada pelantar Syarikat. Kelly sentiasa menilai keberkesanan inisiatif kesedaran dan latihan yang dijalankan melalui tinjauan, audit dan analisis arah aliran kejadian buruk, supaya program pendedah maklumat ini berkembang seiring dengan perubahan undang-undang dan keperluan organisasi.

Kesimpulan

Dasar Pendedah Maklumat Global ini menegaskan komitmen Kelly yang teguh terhadap tingkah laku beretika, pematuhan undang-undang dan ketelusan institusi. Pendedah maklumat biasanya berada di barisan pertama benteng pertahanan untuk mengenal pasti risiko yang mungkin merosakkan nilai-nilai Syarikat atau menyalahi undang-undang. Jika dipupuk budaya yang mengalu-alukan aduan mengenai kekhawatiran, menanganinya dengan bertanggungjawab dan melindungi pengadunya supaya tidak dikenakan tindakan balas, Kelly tidak hanya menunaikan kewajipan undang-undangnya tetapi juga mampu mencapai misinya yang lebih luas, iaitu menjadi majikan global yang bertanggungjawab dan berprinsip. Syarikat menggalakkan setiap orang agar mengadukan kekhawatiran dengan suci hati dan berjanji bahawa setiap aduan akan dikendalikan dengan serius dan bijaksana, menurut prosedur yang ketat, selaras dengan standard tadbir urus moden korporat yang tertinggi.

Jika terdapat perbezaan atau percanggahan antara Dasar ini dengan undang-undang atau peraturan dalam bidang kuasa tempat Kelly beroperasi, Syarikat akan mematuhi standard yang melindungi pendedah maklumat dengan lebih baik di bawah undang-undang tempatan. Pendekatan ini memastikan bahawa sesiapa pun tidak kerugian disebabkan perbezaan antara bidang kuasa sambil mengukuhkan komitmen Syarikat terhadap usaha memelihara rangka kerja pendedah maklumat yang tidak hanya menepati tetapi melebihi kehendak undang-undang global. Kelly akan terus memantau perkembangan undang-undang di semua bidang kuasa untuk memastikan bahawa Dasar ini sentiasa sejajar dengan perubahan keperluan berkanun dan amalan terbaik.